

Jabatan Penerangan Labuan serah Jalur Gemilang kepada UMSKAL

NST 7-8.2015 10

LABUAN: Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Labuan menyerahkan bendera Jalur Gemilang sempena sambutan Hari Kebangsaan 2015 kepada Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), baru-baru ini.

Majlis penyerahan bendera Jalur Gemilang itu disempurnakan oleh Pegawai Penerangan, Yahya Abd Rajak kepada Timbalan Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal di pejabatnya di Tingkat 13, Bangunan Menara UMSKAL.

Yahya yang mewakili Pengarah Jabatan Penerangan, Matteri Marusin, turut menyerahkan bahan bacaan seperti buku dan risalah berkaitan pemimpin dan dasar-dasar kerajaan serta gambar terbaru Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

Beliau berharap Jalur Gemilang itu akan dikibarkan di premis jabatan dan agensi kerajaan termasuk Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Wilayah Persekutuan Labuan.

Sementara itu, Dr Geoffrey yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik, berkata bahan-bahan bacaan termasuk buku-buku dan risalah kerajaan terbitan Kementerian Penerangan itu akan diletakkan di perpustakaan UMSKAL untuk dibaca oleh mahasiswa dan kakitangan serta pensyarah universiti.

"Bahan bacaan itu boleh menjadi bahan bacaan dan rujukan mahasiswa, kakitangan dan pensyarah UMSKAL bagi menambah ilmu pengetahuan mereka mengenai dasar-dasar dan program anjuran kerajaan," katanya. - **OLEH JAINUDIN DJIMIN** (jainuddin@newsabahtimes.com.my)



SERAH ...Yahya (empat dari kiri) menyerahkan Jalur Gemilang kepada Dr Geoffrey (tiga kanan).